

PELAN STRATEGIK 2016-2020

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA & PELANCONGAN**

PRAKATA

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmatNya jua Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) Jabatan Perhutanan ini berjaya disediakan. Pelan strategik ini adalah sebagai panduan dan rujukan bagi melaksanakan langkah-langkah strategik Jabatan dalam merealisasikan sumbangan industri perhutanan berteraskan kepada amalan pengurusan hutan lestari.

Visi, misi, matlamat-matlamat strategik dan sasaran Jabatan Perhutanan yang terkandung dalam Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) Jabatan Perhutanan ini adalah selaras dengan hala tuju baru Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang memberikan penekanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berteraskan kepada empat teras utama iaitu pertumbuhan keluaran, produktiviti, berorientasikan eksport dan berdayatahan. Sumbangan daripada industri perhutanan ini dihasratkan akan dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Menjelang tahun 2020, Jabatan Perhutanan menasaskan peningkatan keluaran kasar industri perhutanan sejumlah BND 45.32 juta. Projek-projek telah pun dirancang untuk mencapai sasaran ini iaitu:

- Industri Pemprosesan Primer yang menasaskan keluaran kasar sebanyak BND 36.98 juta; dan
- Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu yang menasaskan keluaran kasar sebanyak BND 8.34 juta.

Dalam Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) Jabatan Perhutanan ini, terdapat enam (6) tema strategik utama yang dikenalpasti dan perlu dicapai oleh industri perhutanan seperti berikut:-

1. Peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK);
2. Peningkatan Kutipan Hasil Kerajaan bagi pembangunan Negara;
3. Membukakan peluang-peluang pekerjaan terutamanya untuk rakyat tempatan;
4. Pertumbuhan pelaburan langsung asing (FDI);
5. Peningkatan daya saing pengeluaran produk-produk berorientasikan eksport; dan
6. Penggunaan mesin dan teknik moden ke arah meningkatkan produktiviti.

Kejayaan penyediaan Pelan Strategik 5 tahun (2016-2020) Jabatan Perhutanan ini adalah hasil usaha gigih dan penglibatan dedikasi semua pegawai. Pelan Strategik ini merupakan *living document* yang akan direviu dari masa ke semasa dalam tempoh perlaksanaan. Di kesempatan ini, saya tidak lupa merakamkan penghargaan dan tahniah atas bantuan yang dihulurkan dalam penyediaan Pelan Strategik ini dan diharap semua pegawai dan kakitangan serta pihak berkepentingan dalam industri perhutanan akan dapat memberikan komitmen yang gigih bagi memastikan Pelan Strategik ini menjadi kenyataan.

Sekian, Wassalam.

NORALINDA BINTI HAJI IBRAHIM

Pemangku Pengarah Perhutanan

Negara Brunei Darulssalam

1. PENGENALAN

Jabatan Perhutanan komited untuk meningkatkan keluaran industri perhutanan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara, disamping memelihara dan melindungi sumber hutan Negara secara berterusan melalui pengurusan hutan lestari (*sustainable forest management*) bagi mengimbangi kepentingan sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan Negara.

2. VISI

Ke arah pertumbuhan keluaran industri perhutanan yang berdayatahan melalui peningkatan produktiviti, berorientasikan eksport dan berteraskan amalan pengurusan hutan lestari.

3. MISI

Mempercepatkan pertumbuhan keluaran industri perhutanan berasaskan teknologi tinggi dan berorientasikan eksport, dengan menggalakkan penyertaan pelaburan tempatan dan langsung asing serta memfokuskan kepada peningkatan produktiviti dan penghasilan produk bernilai tinggi dengan juga menitikberatkan keseimbangan alam sekitar dan keperluan sosial.

4. NILAI-NILAI UTAMA


- **PROGRESIF:** Memacu pertumbuhan keluaran industri perhutanan secara berterusan melalui peningkatan produktiviti dan penghasilan produk bernilai tinggi sehingga menembusi pasaran eksport.
- **OBJEKTIF:** Mempunyai sasaran dan jangkamasa pelaksanaan yang segera, didokongi dengan inisiatif yang strategik dan terarah.
- **CEKAP & MAHIR:** Sebarang cadangan adalah berasaskan fakta yang betul dan dengan penggunaan Info-Teknologi (IT) yang meluas.
- **ADIL & TELUS:** Mengutamakan industri dan pengusaha yang progresif dan produktif melalui kaedah penilaian yang sistematik dan telus.
- **PEMEDULIAN:** Memedulikan keperluan dan kehendak pengusaha-pengusaha industri perhutanan dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang bersesuaian.

5. MATLAMAT-MATLAMAT STRATEGIK

- Untuk meningkatkan keluaran daripada industri perhutanan bagi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, mempelbagaikan ekonomi & pertumbuhan eksport;
- Untuk meningkatkan produktiviti keluaran industri primer dengan menggunakan teknologi moden dan juga amalan-amalan terbaik disamping memastikan kelestarian alam sekitar dan sumber industri kayu kayan yang berkekalan;
- Untuk menggalakkan penglibatan dan usahasama pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing (FDI), dalam memperkembangkan industri hiliran dan nilai tambah yang berasaskan kayu dan bukan berasaskan kayu bagi mempercepatkan pertumbuhan keluaran daripada industri perhutanan; dan
- Untuk mengekalkan keunggulan hutan Negara Brunei Darussalam bagi pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber alam semulajadi.

6. STATUS MASA KINI


6.1 SUMBANGAN INDUSTRI PERHUTANAN KEPADA KDNK



Nota:


Sumber: Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2015, JPKE

6.2 KELUARAN KASAR SEKTOR PERHUTANAN, 2013-2015 (B\$ JUTA)




Industri	2013	2014	2015
Pemrosesan Primer	\$35.11	\$34.47	\$29.41
Hilangan Berasaskan Kayu	\$5.37	\$4.63	\$4.53
JUMLAH	\$40.48	\$39.10	\$33.94

6.3 TREN PENGELUARAN 2010 – 2015




6.4 KELUARAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER, 2013-2015



- Terdapat 24 buah syarikat kilang papan menjalankan operasi pembalakan dan perkilangan papan.
- Pengeluaran balak dari kawasan hutan Simpan Pengeluaran dihadkan hanya kepada 100,000 meter padu setahun.
- Sumber balak tempatan yang lain diperolehi daripada projek pembangunan seperti lebuh raya, perumahan, jambatan, empangan, dsb yang melibatkan pembukaan kawasan hutan di Tanah Kerajaan.
- Komoditi lain, iaitu kayu api dan kayu arang, memberikan sumbangan yang tidak signifikan kepada industri ini.


6.5 KELUARAN INDUSTRI HILIRAN BERASASKAN KAYU, 2013-2015



- 5 buah syarikat tempatan bergiat aktif dalam Industri Hiliran.
- Produk-produk Hiliran yang dihasilkan ialah komponen kayu (pintu, bingkai pintu & jendela, perabot, kayu kumai (moulding), dan lain-lain)
- Produk nilai tambah yang lain adalah Arang (*briquette*) yang mula dihasilkan pada tahun 2014.

7. SASARAN DAN HALATUJU 2016-2020

7.1 SASARAN DAN TRAJEKTORI INDUSTRI HILIRAN DAN NILAI TAMBAH BERASASKAN KAYU (2016-2020)



Nota:

- Sasaran peningkatan dalam nilai (\$juta) dijangkakan pada kadar 13% setahun. Kemasukan FDI dijangkakan akan menyumbang kepada peningkatan nilai yang berterusan.
- Aktiviti Industri Hiliran Berasaskan Kayu dijangkakan akan *diversify* dan menghasilkan produk-produk *semi-finished* dan *finished* yang baru bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan eksport.

- Pada masa ini, 5 buah syarikat menjalankan industri hiliran dan nilai tambah
- Menjelang tahun 2020, tambahan dua buah syarikat akan melaksanakan industri hiliran dan nilai tambah

7.3 INDUSTRI TUMPUAN

7.3.1 'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI PERHUTANAN (HILIRAN & NILAI TAMBAH)



<p>PEMBOLEHCARA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Program Peningkatan Keluaran Industri Perkayuan yang Berdayatahan dengan Berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Lestari • Pelaksanaan Program Penilaian ke atas Sumber Hutan bagi Mendokong Pertumbuhan Industri Perhutanan yang Berasaskan Kepelbagaian Bio • Kawasan Konsesi - JPH • Kuota Pembalakan – JPH • 24 Syarikat Kilang Papan 	<ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Mesin/Teknologi moden - <i>Companies</i> • Kayu berkualiti -JPH • 24 Syarikat Kilang Papan 	<ul style="list-style-type: none"> • Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif • Rancangan Pemajuan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu untuk Meningkatkan Keluaran dan Ekspot • Tenaga kerja berkemahiran – MoHA & MoE • Teknologi moden – JPH & EIDPMO • <i>Market Access</i> - MoFAT • Tapak Perindustrian – JPH, MoHA & MoD • FDI – BEDB & DARE • 5 Syarikat Hiliran
<p>'SPIN-OFF' INDUSTRI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Penghasilan Arang • Penghasilan kompos • Pengangkutan • <i>Packaging</i> • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengangkutan produk-produk hiliran dan nilai tambah (Syarikat pengangkutan dan perkapalan) • <i>Maintenance & repairs</i>(mesin & peralatan)

7.3.3 ISU & CABARAN

Hasil penelitian yang dijalankan mendapati beberapa isu dan cabaran berikut:

- Urustadbir perniagaan yang tidak teratur;
 - Maklumat pemilik, pengurus dan struktur perniagaan yang tidak “*updated*”, perubahan dan pertukaran pemilik dan pengurus tidak dimaklumkan.
 - Pengurusan yang kurang teratur dan kurang jelas seperti ketiadaan jawatan Pengurus Pemasaran, Pengurus Operasi, Pengurus Sumber Tenaga Manusia, Pengurus Kewangan dan Akauntan.
- Syarikat tidak mempunyai keinginan dan kemahuan untuk bertumbuh dan berkembang;
 - Pemilik atau pemegang saham enggan melibatkan diri dalam operasi atau aktiviti syarikat;
 - Enggan untuk melabur dalam mesin dan peralatan berteknologi moden bagi menghasilkan produk hiliran dan nilai tambah.
 - Sehingga telah menyebabkan terdapat banyaknya kayu balak (lompong) yang tidak diproses bagi menghasilkan papan gergaji dan produk hiliran dan nilai tambah.
- Operasi pembalakan dan perkilangan papan diserahkan kepada / dilaksanakan oleh syarikat lain kerana syarikat-syarikat kilang papan terbabit tidak berkeupayaan dari segi tenaga kerja, pengangkutan, mesin dan peralatan.

7.3.4 LANGKAH PEMBAIKAN DAN MENGGANDAKAN KELUARAN


- **Mereviu dan mengemaskini Dasar dan Peraturan yang berkenaan pengurusan, pentadbiran dan operasi kilang papan dan industri perkayuan seperti:**
 - **Pembahagian kuota pembalakkan tahunan kepada syarikat-syarikat kilang papan dengan memberikan penekanan urustadbir perniagaan syarikat; perkembangan dan pertumbuhan syarikat (seperti kesediaan untuk menggunakan mesin berteknologi tinggi); keupayaan syarikat; komitmen syarikat dan pengambilan pekerja tempatan.**
 - **Impot & Ekspot produk kayu bagi memastikan sumber bahan mentah yang “sustainable” dan meningkatkan penghasilan dan keluaran industri hiliran dan nilai tambah.**
 - **Pengeluaran kayu balak dan penghasilan kayu gergaji untuk mempercepatkan dan meningkatkan penghasilan keluaran daripada syarikat-syarikat kilang papan.**
 - **Pengambilan dan pengeluaran dahan-dahan dan tunggul pokok (tinggalan pembalakan).**

7.3.5 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI HILIRAN & NILAI TAMBAH

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*	Owner
		Sebenar 2015	Sasaran 2020				
Pertumbuhan Industri Hiliran dan Nilai Tambah Berasaskan Kayu	1. Nilai Keluaran	\$4.53 juta	\$8.34 juta	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan sumbangan keluaran industri perhutanan dalam KDNK dan kutipan hasil 		<p>Menggalakkan penglibatan dan keupayaan syarikat kilang papan (SKP) sedia ada melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penggabungan SKP bagi operasi perkilangan berskala besar Pengujudan hubungan usahasama SKP dengan pelabur Pengemaskinian dasar-dasar berkaitan bagi menggalak dan memudahcara pertumbuhan industri hiliran dan nilai tambah termasuk perusahaan arang Penggunaan mesin-mesin moden <p>Penyediaan sumber bahan mentah yang berdayatahan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlaksanaan projek penubuhan ladang hutan Meneruskan projek penanaman mengaya 	
	2. Penglibatan Syarikat	5 buah syarikat	7 buah syarikat				

7.4 INDUSTRI-INDUSTRI LAIN (INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER)

7.4.1 SASARAN DAN TRAJEKTORI INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER, 2016-2020



Nota:

- Nilai pengeluaran dijangkakan meningkat pada kadar 5% dengan penggunaan teknologi moden, yang dijangka dapat meningkatkan *recovery rate* penghasilan kayu gergaji.

Kayu Gergaji (1,000 M ³)	37.78	39.67	41.65	43.74	45.92	48.22
-----------------------------------------	-------	-------	-------	-------	-------	-------

7.4.2 'ECOSYSTEM & VALUE CHAIN' INDUSTRI PERHUTANAN (PRIMER)

Industri Pembalakan

Industri Perkilangan Papan

Jualan

PEMBOLEHCARA

- Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif
- Program Peningkatan Keluaran Industri Perkayuan yang Berdayatahan dengan Berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Lestari
- Pelaksanaan Program Penilaian ke atas Sumber Hutan bagi Mendokong Pertumbuhan Industri Perhutanan yang Berasaskan Kepelbagaian Bio
- Kawasan Konsesi - JPH
- Kuota Pembalakan — JPH
- 24 Syarikat Kilang Papan

- Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif
- Mesin/Teknologi moden - *Companies*
- Kayu berkualiti — JPH
- 24 Syarikat Kilang Papan

- Akta, Dasar dan Peraturan yang kondusif
- Tenaga kerja berkemahiran — MoHA & MoE
- Teknologi moden — JPH & EIDPMO
- *Market Access* - MoFAT
- Tapak Perindustrian — JPH, MoHA & MoD
- FDI — BEDB & DARE

'SPIN-OFF' INDUSTRI

- *Maintenance & Repairs* (mesin & peralatan)

- Penghasilan Arang
- Penghasilan kompos
- Pengangkutan
- *Packaging*
- *Maintenance & repairs* (mesin & peralatan)

7.4.3 PELAN PERLAKSANAAN INDUSTRI PEMROSESAN PRIMER

Program	KPI	Sasaran		Inisiatif	Jangkaan Keluaran	Aktiviti Utama*	Owner
		Sebenar 2015	Sasaran 2020				
Meningkatkan produktiviti keluaran industri primer	1. Nilai Keluaran	\$29.4 juta	\$36.98 juta	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan <i>recovery rate</i> 		<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan SKP menggunakan teknologi moden seperti penggunaan mesin <i>horizontal bandsaw</i> (2 buah syarikat menggunakan pada masa ini). 	
				<ul style="list-style-type: none"> Memastikan penggunaan kuota pembalakan yang optima 		<ul style="list-style-type: none"> Mengemaskini dasar, peraturan dan prosedur pembalakan dan sistem pemberian kuota ke arah mempercepatkan proses penghasilan dan pengeluaran kayu balak. 	
				<ul style="list-style-type: none"> Pembekalan sumber kayu yang berdayatahan. 		<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pelaksanaan projek penubuhan ladang hutan Meneruskan projek penanaman mengaya Membuat kajian inventori sumber hutan negara (National Forest Inventory) 	

8. SENARAI PROJEK RFP (MENDOKONG PEMAJUAN INDUSTRI PELANCONGAN)

BIL	TAJUK PROJEK	SASARAN "RFP"	SASARAN PENDAPATAN SEWA TAPAK (TAHUN 2020)	ULASAN
1	MEMBANGUN, MENGENDALI DAN MEMELIHARA KAWASAN TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG	RFP DIKELUARKAN: TAHUN 2017	N/A	SUMBANGAN NILAI KELUARAN DARIPADA AKTIVITI INI DIREKODKAN DI BAWAH SEKTOR PELANCONGAN

9. STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN

9.1 STRUKTUR ORGANISASI

